

# Penulisan kritis, kreatif beri kesan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BERAKAS**, Sabtu, 26 Ogos. - Pencapaian Jurnal Beriga sehingga mampu mencecah usia 50 tahun membuktikan akan komitmen dan sumbangan mantan-mantan editor dan editor serta sidang redaksi dalam menghidupkan, mengekalkan dan mencorak hala tuju jurnal berkenaan.

Namun, walaupun usia Jurnal

Beriga sudah mencapai 50 tahun, usaha pembarigaan dan promosi perlu dilipatgandakan baik melalui media massa agar dapat diketahui umum secara meluas tentang setiap keluaran jurnal tersebut dari semasa ke semasa.

Perkara tersebut disentuh oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang

Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, selaku tetamu kehormat pada Perasmian Seminar Budaya Melayu yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini.

Tambahnya lagi, untuk mengekalkan bahan terbitan atau bacaan apatah lagi yang bersifat akademis bukanlah sesuatu yang mudah lebih-lebih lagi dengan keberadaan teknologi maklumat

masa kini, justeru sebagai satu produk yang perlu bertahan hidup Jurnal Beriga ini haruslah dapat menarik perhatian khayalak.

"Editor perlu berfikiran kritis dan kreatif dalam mencorak isi dan bentuk jurnal supaya dapat memberikan kesan kepada pembaca," ujarnya.

Terdahulu, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab dalam ucapannya menjelaskan, sepanjang lima dekad penerbitannya, Jurnal Beriga juga mampu mendapatkan hasil tulisan rencana daripada penyelidik, pensyarah dan penulis bukan sahaja dari dalam negara, tetapi juga daripada penulis-penulis luar negara dan sehingga ke hari ini, Beriga masih utuh bertahan walaupun berdepan dengan ledakan teknologi maklumat yang benar-benar mencabar kredibiliti editor Beriga untuk mendapatkan hasil rencana ilmiah yang berkualiti.

Seminar Budaya Melayu bertemakan 'Beriga, Medan Penyebaran Ilmu dan Budaya' diungkuhkan sempena Sambutan 50 Tahun Penerbitan Jurnal Beriga dan bagi menyemarakkan lagi Bulan Bahasa 2017.

Sebanyak empat kertas kerja turut dibentangkan yang merupakan hasil penyelidikan para pakar terdiri daripada ahli sarjana, ilmuwan dan penyelidik yang memiliki kepakaran dalam bidang masing-masing.

Selain itu juga terdapat mini pameran Koleksi Mata Wang dan Pitis Brunei dan pameran-pameran



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim semasa menyampaikan ucapan pada majlis perasmian tersebut.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani semasa menyaksikan pameran pada Majlis Perasmian Seminar Budaya Melayu yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka.

penerbitan Jurnal Beriga, Koleksi Pantun Melayu dan Sejarah Brunei serta Pameran dan Jualan Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Antara objektif seminar tersebut untuk memberikan ruang dan pendedahan kepada penyelidik, pengkaji dan peserta untuk mendalami ilmu khususnya dalam penyelidikan budaya, selain menjadikan seminar berkenaan sebagai medan pertemuan dan perbincangan yang membawa ke arah pemantapan penyelidikan dalam pelbagai disiplin.

# Empat kertas kerja dibentangkan



PEMBENTANGAN Kertas Kerja I dan II disampaikan oleh Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos (kiri) dan Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid (kanan) pada majlis tersebut.

Oleh : Mohd. Amirul Hilmi Jali (Mahasiswa UNISSA)

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BERAKAS**, Sabtu, 26 Ogos. - Sebanyak empat kertas kerja dibentangkan pada Seminar Budaya Melayu yang bertemakan 'Beriga, Medan Penyebaran Ilmu dan Budaya' sempena Sambutan 50 Tahun Penerbitan Jurnal Beriga (1967 - 2017) yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini.

Pembentangan pertama disampaikan oleh Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, bertajuk

'Manifestasi Budaya dalam Reka Bentuk Mata Wang Brunei dari Abad Ke-16', membincangkan mengenai budaya yang merupakan ciri-ciri dan pengetahuan terkumpul sesuatu kumpulan masyarakat yang terdiri dari beberapa aspek seperti bahasa, agama, masakan, tabiat, muzik dan seni, di mana budaya merupakan identiti sesuatu kumpulan yang telah diasuh atau ditekankan oleh sesuatu corak ataupun tabiat yang unik kepada kumpulan tersebut.

Sementara itu, reka bentuk pula merupakan satu seni dari luahan sesuatu budaya dan reka bentuk merupakan bukti kewujudan sesuatu budaya. Reka bentuk boleh dimanifestasikan di pelbagai media.

Menurutnya, reka bentuk-reka bentuk yang diteliti adalah reka bentuk yang ada pada mata wang Brunei yang digunakan di pasaran atau akan diteliti untuk melihat sejauh mana ia membayangkan atau menggambarkan atau menjadi manifestasi pada budaya bangsa Melayu Brunei semenjak Abad Ke-16 sehingga sekarang.

Manakala itu, Ahli Urus Setia Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Dr. Haji Hashim

bin Haji Abdul Hamid, dalam kertas kerjanya bertajuk 'Pencapaian Budaya Brunei : Pustaka dan Pola Fikir Bangsa' pula menerangkan mengenai masalah atau persoalan rantangan makalah dan melihat sejauh mana pencapaian budaya Brunei dijadikan sarana jiwa batin bagi menunjang kekompakan, kemandirian, keiltizaman dan rangsangan kekitaan untuk bangkit serta meraih sebuah harapan yang ranumnya adalah kecemerlangan.

Pengucapan budaya lahir berdasarkan nalar dan jangkauan yang tinggi serta ketajaman pengamatan sesuatu bangsa, ia juga menunjukkan sesuatu gambaran tentang takat ke

dalamnya kita berfikir dan mentafsir alam terkembang menjadi guru itu.

Menerusi pembentangan ketiga yang dibentangkan oleh Profesor Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail yang bertajuk 'Dokumen Penyelidikan dan Kajian di Negara Brunei Darussalam : Pengalaman dan cabaran' antara lain membincangkan mengenai cabaran yang dihadapi ketika melakukan penyelidikan dan pengajian dalam pelbagai bidang ke atas sumber dokumen di Negara Brunei Darussalam.

Antara cabaran itu ialah dari segi tulisan dokumen, kekurangan, kerosakan, status sulit dokumen juga karenah manusia. Semua cabaran ini harus dihadapi dengan sabar dan bijaksana kerana matlamat akhir untuk menghasilkan satu kajian ilmiah.

Manakala kertas kerja yang terakhir pula disampaikan oleh Awang Haji Matusin bin Orang kaya Sura Haji Tuba, bertajuk 'Pergerakan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) Negara Brunei Darussalam - Cabaran dan Harapan' yang menyentuh mengenai Pergerakan 1K1P, yang hari ini sudah tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Pembicaraan juga turut mencakupi pelbagai aspek antaranya pengenalan terhadap Pergerakan 1K1P, sejarah dan latar belakang Pergerakan 1K1P di Negara Brunei Darussalam, objektif dan kaedah pelaksanaannya serta cabaran dan harapan juga beberapa saranan untuk peningkatan pencapaian sebagai rumusan.